

18/06/1997

NGO guna isu alam sekitar dibidas

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik membidas pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana menggunakan isu alam sekitar untuk menekan dan menggugatkan pertumbuhan ekonomi negara membangun.

"Saya sangat tidak puas hati dengan mereka kerana menggunakan isu alam sekitar yang diselindungi di sebalik isu perdagangan dan kesihatan," katanya selepas merasmikan persidangan antarabangsa mengenai kayu tropika anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Beliau berkata, NGO itu menyusup masuk ke dalam pertubuhan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi mengenakan tekanan terhadap ahli politik di negara mereka.

"Dan mereka sedang cuba menyusup masuk ke dalam Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO)," katanya.

Dr Lim berkata, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, memberi tentangan hebat kepada mereka di WTO dan berharap Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, juga akan memberi tentangan di ILO.

"Kita akan tentang mereka pada semua forum," kata Dr Lim.

Beliau berkata, pendekatan baru NGO itu mencerminkan perubahan sikap di kalangan negara maju kerana mereka tidak lagi boleh bersaing dengan negara membangun.

Mereka bukan menggunakan dasar perlindungan domestik tetapi forum antarabangsa untuk mewujudkan dasar perlindungan yang mengeluarkan negara membangun dari saingan sebelum mereka bermula lagi, dengan menggunakan isu sosial, alam sekitar dan kesihatan bagi menghalang mereka membangun.

"Saya ingin bertanya kepada NGO di negara ini seperti WWF, Tenaganita, Sahabat Alam, Persatuan Alam Semula Jadi dan yang lain mengenai pendirian mereka sama ada mereka sokong kita atau tidak.

"Adakah mereka berpihak kepada kita? Saya percaya penuh bahawa ini ialah satu komplot besar NGO antarabangsa sebagaimana ditunjukkan oleh surat mereka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan saya akan hentam mereka balik dalam jawapan saya bagi pihak beliau," katanya.

Dr Lim berkata, Malaysia mempunyai keupayaan untuk membuat pendirian bagi pihak negara ketiga dan kerana itu, mereka mahukan perjanjian perhutanan secara tradisi tetapi ditolak oleh NGO dengan alasan ia bukan perjanjian yang baik kerana dibuat secara tergesa-gesa dan hanya disokong oleh negara pengeluar balak.

"Selepas itu mengapa pula mereka mahu satu konvensyen diadakan di Rio pada tahun 1992? Sekarang selepas lima tahun, kita ada satu perjanjian yang tidak terikat dari segi undang-undang mengenai perhutanan balak merangkumi pemuliharaan, pengurusan dan pembangunan berterusan semua hutan di dunia.

"Bila kita hendak mulakan ini semua? Mereka juga yang mahu sidang kemuncak Rio diadakan," katanya.

Dalam ucapannya sebelum itu, Dr Lim berkata kerajaan menyokong semua penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang wajar mengenai spesies balak pilihan yang mempunyai potensi komersil.

"Sehubungan itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjalankan R&D intensif dan banyak spesies yang diuji untuk sektor perladangan," katanya.

Dr Lim berkata antara spesies berpotensi ialah kayu jati, sentang, acacia mangium dan hevea.

Agensi kerajaan juga digalakkan menyertai pembangunan ladang di atas tanah kosong atau terbiar atau bekas lombong secara bersendirian atau usahasama dengan sektor swasta. - Bernama

(END)